

KEFAHAMAN TENTANG KHULAFAT ARRASYIDIN DALAM KALANGAN PELAJAR FPQS

Ammar Naqiyuddin Bin Ramly¹
Muhammad Asif Bin Mat Daud²
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan³

¹Faculty Of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: ammarnaqiyuddin@raudah.usim.edu.my)

²Faculty Of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: asifmatdaud@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: Pada zaman kini, masyarakat Islam di seluruh pelosok dunia khususnya remaja hanya mengetahui perihal Khulafat Arrasyidin hanya pada julukan mereka sebagai sahabat yang pernah menjadi khalifah umat Islam setelah kewafatan baginda Rasulullah SAW tetapi mereka tidak mengetahui akan kehidupan, jasa dan pengorbanan mereka yang telah memberi impak besar kepada perkembangan agama Islam di seluruh dunia dari segi ekonomi, politik serta sosial. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kefahaman berkaitan Khulafat Arrasyidin dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan As-Sunnah (FPQS). Kepentingan kajian ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat akan perjuangan Khulafat Arrasyidin yang berkerja keras untuk menegakkan syiar Islam. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif melalui soalan kaji selidik menggunakan platform Google Form. Soalan kajian ini akan diagihkan kepada 50 pelajar FPQS. Dapatan kajian umum mendapati bahawa kefahaman dan kesedaran pelajar tentang Khulafat Arrasyidin berada pada tahap yang rendah. Diharapkan hasil penemuan penyelidikan dapat dijadikan bimbingan dan referensi kepada seluruh mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia khususnya dan masyarakat di Malaysia amnya dalam menambah pengetahuan serta ilmu berkenaan Khulafat Arrasyidin supaya dapat dijadikan contoh serta tauladan kepada generasi akan datang.

Keywords: Khulafat Arrasyidin, Kefahaman, Tauladan

Pendahuluan

Secara konsepnya, pelaksanaan sistem khilafah banyak ditentukan oleh sifat-sifat manusia, baik intelektual maupun spiritual. Dengan cara ini, pemikiran khalifah dalam melaksanakan amanat Allah untuk menjadi pejuang politik yang bijak dapat dicapai agar dapat menyuarakan nilai dalam menghadapi budaya dan budaya dari pelbagai lapisan masyarakat.

Khalifah dengan sistem politik yang diilhamkan dan didorong oleh nilai-nilai al-Quran yang telah dijalankan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya telah terbukti dalam sejarah yang sangat hebat. Hal ini telah menarik perhatian sebilangan pengkaji politik dunia Barat atas kejayaan menakjubkan dari nilai-nilai Islam dalam membina budaya dan tamadun manusia yang diperintah oleh khalifah, kejayaannya secara empirikal berdasarkan nilai kebaikan dan hati yang ikhlas untuk kemajuan dan kemuliaan manusia. Jika kemenangan dan kejayaan ini bertentangan dengan kebaikan hati manusia, maka kejayaan ini cenderung untuk hanya bersifat berkala. Jika kebaikan ini adalah matlamat untuk meningkatkan martabat manusia dalam erti kata yang seluas-luasnya, maka kemenangan kita akan kekal seperti Nabi-nabi terdahulu. Perbincangan khilafah ini mendominasi di dunia pemikiran politik dunia dan Islam khususnya sehingga saat ini

Antara khalifah-khalifah yang mentadbir dunia Islam semenjak kewafatan Rasulullah, Khulafa' Arrasyidin memainkan peranan paling penting dalam mentadbir umat Islam. Ini kerana agama Islam masih berada pada pucuk pemerintahan dunia dan juga mendapat ancaman yang besar dari luar dan dalam negara. Akan tetapi, para Khulafa' Arrasyidin berjaya melindungi umat Islam dari ancaman tersebut serta meluaskan syiar Islam di persada dunia.

Tamadun Islam pada zaman Khulafa Ar-Rasyidin memberikan sumbangan besar kepada perkembangan Islam di seluruh dunia dan menjaga kehormatan dan keagungan agama Islam di mata dunia. Tamadun Islam pada zaman Khulafa Ar-Rasyidin sudah pasti digeruni oleh tamadun lain seperti Rom dan Parsi kerana kekuatan dan kegigihan ajaran Islam pada zaman itu. Zaman Khulafa Ar-Rasyidin berkembang dalam pelbagai cara dan dengan sumbangan yang berbeza dari setiap khalifah yang memerintah pada masa tertentu semasa pemerintahan mereka. Gaya kepimpinan dan pentadbiran yang diguna pakai adalah adil dan sama rata kepada semua kaum ketika itu dan rakyat dapat hidup dalam keadaan aman dan tenteram.

Akan tetapi isu utama yang ingin diutarakan dalam kajian ini adalah masyarakat pada zaman kini khususnya umat Islam kebanyakannya hanya mengenali Khulafa' Arrasyidin atas nama mereka dan tidak pada jasa dan pengorbanan mereka terhadap Islam. Hal ini amat mengecewakan kerana para khalifah tersebut sanggup bergadai nyawa dan tenaga mereka usaha untuk memakmurkan dan menjaga keamanan Islam. Oleh itu, pengkaji telah menjalankan kajian ini untuk mengenalpasti tahap kefahaman pelajar FPQS di Universiti Sains Islam Malaysia tentang Khulafa' Arrasyidin.

Tinjauan Literatur

Terdapat tiga perkara yang akan dibincangkan di dalam kajian literatur. Pertama, berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh Ermy Azziaty Rozali dan Zamri Ab Rahman (2017) dalam artikelnya iaitu "KECEMERLANGAN FUTUHAT ISLAMIYYAH ERA KHULAFAT AL-RASHIDIN". Kajian ini dilakukan bertujuan untuk membahaskan tentang kecemerlangan futuhah yang telah dicapai oleh setiap khalifah-khalifah di zaman masing-masing yang telah memberi banyak sumbangan dalam melonjakkan kehebatan Islam. Kaedah

kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif menggabungkan kajian perpustakaan dan lapangan. Hasil kajian mendapati bahawa kecemerlangan futuhat di zaman Khulafa' al-Rashidin menjadikan sebahagian besar wilayah kekuasaan Empayar Rom di bahagian Timur Tengah, Mesir dan Afrika Utara berjaya ditakluki dan dibuka oleh tentera Islam serta pemerintahan Islam juga dapat menghancurkan empayar Parsi yang terpaksa menyerahkan seluruh wilayah kekuasaannya di bahagian Timur kepada tentera Islam.

Kedua, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Annasai Jamar, Mohd Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis dalam penulisan yang bertajuk “PERADABAN ISLAM ERA AL-KHULAFAT AL-RASYIDIN DALAM PENDIDIKAN”. Tujuan kajian ini dilakukan untuk membahaskan tentang kecemerlangan peradaban Islam era al-Khulafa' al-Rasyidin dan sumbangan al-Khulafa' al-Rasyidin dalam pendidikan yang melonjakkan kehebatan Islam. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif iaitu menggunakan kaedah perpustakaan dengan menganalisis jurnal, artikel, buku dan tesis yang berkaitan. Hasil kajian ini mendapati bahawa kecemerlangan peradaban Islam era al-Khulafa' al-Rasyidin dalam perkembangan Islam dan tamadun manusia terutama dalam pendidikan mampu membawa kepada kesejahteraan kepada semua lapisan masyarakat.

Ketiga, Ummu Awaliah dan Indo Santalia (2022) telah menulis artikel yang bertajuk “PEMIKIRAN HUKUM ISLAM PADA MASA KHULAFAT RASYIDIN”. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan pelopor pemikiran hukum Islam pada zaman Khulafaur rasyidin dan menjelaskan perkembangan pemikiran hukum Islam pada zaman Khulafaur rasyidin. Penyelidikan ini adalah kualitatif; jenis penyelidikan ialah kajian perpustakaan dan menggunakan pendekatan sejarah. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah kajian literatur. Keputusan menunjukkan bahawa; 1) Dapat difahami bahawa kaum Ansar merupakan pelopor kepada lahirnya pemikiran hukum Islam mengenai pengganti Rasulullah sebagai pemimpin negara dan agama, ini dapat dilihat pada peristiwa pertemuan di Saqifah Bani Sa'adah. dalam perbincangan pengganti Nabi. 2) Perkembangan pemikiran hukum Islam pada zaman Khulafaur rasyidin dapat dilihat pada pencapaian empat periode pemerintahan. Bermula daripada khalifah Abu Bakar, 'Umar bin Khattab, 'Usmān bin 'Affan, dan 'Ali bin Abi Talib.

Keempat, sebuah kajian yang bertajuk “Khalifah Dan Khilafah Menurut Alquran” telah ditulis oleh Abd. Rahim (2012). Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan bagaimana dasar dan pelaksanaan berkaitan dengan toleransi zaman Khulafa' Rasyidin. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati terdapat tiga poin utama yang dapat disimpulkan. Pertama, sebagai khalifah yang mempunyai fungsi sebagai ketua negara dan agama, bentuk toleransi berlandaskan prinsip Islam dengan prinsip musawah dan 'adalah. Kedua, dalam perkara tertentu, bentuk toleransi yang dilakukan oleh khalifah jauh melebihi dasar yang diterapkan dalam domain Islam, seperti dasar yang dilakukan oleh Umar dengan dasar sistem land reform kepada masyarakat Kristian Qibti. Ketiga, sebagai individu, nilai-nilai khalifah dimanifestasikan dalam sikap toleransi dengan menerapkan prinsip moral. Ketiga-tiga perkara ini memberikan kerangka konsep pendidikan Islam yang secara normatif dan sejarah, toleransi perlu dilaksanakan secara proporsional berdasarkan nilai-nilai Islam.

Kelima, Muhammad Patri Arifin (2017) telah menulis sebuah artikel yang bertajuk Karakteristik Dakwah Khulafa Al-Rasyidin. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kaedah dakwah oleh Khulafa Al-Rasyidin setelah kewafatan Muhammad SAW. Pengkaji ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melakukan kajian perpustakaan dan artikel-artikel terdahulu. Hasil kajian mendapati bahawa keempat-empat Khulafa Arrasyidin mempunyai kaedah yang tersendiri dalam menyebarkan dakwah Islam. Pertama, Abu Bakar menaruh perhatian khusus pada penyebaran jalan hidup yang benar. Karena usahanya seluruh Arab

sekali lagi dan untuk selamanya masuk kembali ke dalam Islam. Kedua, Umar sebagai wakil dari Rasulullah saw. tugas terpentingnya adalah menyebarkan dan mengajarkan Islam. Tujuan utama dari pertempuran dan perjuangan adalah membersihkan jalan bagi kaum muslim untuk mengajarkan Islam. Apabila suatu pasukan perang menyerang suatu tempat tertentu harus menyeru penduduk setempat kepada Islam. Umar r.a sangat tegas dalam hal ini dan telah memberikan pesan tetap kepada para komandan untuk tidak memulai perang kecuali mereka pertama-tama telah mengajak orang-orang kepada Islam. Ketiga, Usman menghabiskan banyak waktunya dalam pengajaran kepada para tawanan perang. Banyak di antara mereka menerima Islam karena usahanya. Ia juga mengajar hukum Islam kepada kaum muslimin. Keempat, Ali menganggap bahwa penyebaran dan pengajaran cara hidup yang benar yakni Islam, adalah satu di antara tugas-tugas terpenting seorang khalifah.

Keenam, sebuah kajian yang bertajuk *BAITULMAL MANAGEMENT DURING THE TIME OF RASULULLAH SAW AND THE RULING OF KHULAFAR-RASHIDIN* telah ditulis oleh Muhammad Assyifaa Uhayat Jahidin, Mohamad Hilmi Mat Said dan Mohd Saifuddin Abdul Karim (2021). Kajian ini membincangkan pengurusan Baitulmal pada Zaman Rasulullah SAW dan Khulafa ar-Rasyidin. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian sejarah. Data diperoleh melalui dokumen bertulis seperti buku, artikel, jurnal dan kertas kerja. Data telah disusun dan dianalisis secara deskriptif. Kajian ini mendapati pengurusan Baitulmal melalui beberapa fasa pembangunan yang berbeza berikutan perluasan wilayah negara Islam yang turut menambah sumber kewangan. Kajian ini juga diharap dapat meningkatkan kefahaman masyarakat dan institusi berkaitan dalam menambah baik pengurusan Baitulmal sedia ada.

Ketujuh, Choirun Niswah (2017) telah menulis sebuah jurnal yang bertajuk *Pendidikan Islam pada Masa Khulafa Al-Rasyidin dan Bani Umayyah*. Kajian ini bertujuan untuk membahas tentang bagaimanakah Pendidikan Islam pada masa Khulafa al-Rasyidin dan Bani Umayyah. Penulis menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui pencarian maklumat di perpustakaan dan artikel-artikel lepas. Dapatan kajian dapat disimpulkan bahwa Pendidikan Islam pada zaman Khulafa al-Rasyidin belum berkembang seperti masa-masa sesudahnya. Pelaksanaannya tidak jauh berbeza dengan masa Nabi, yang menekankan pada pengajaran baca tulis dan ajaran-ajaran Islam yang bersumber pada al-Qur'an dan Sunnah Rasul. Hal ini disebabkan oleh konsentrasi umat Islam terhadap perluasan wilayah Islam dan terjadinya pergolakan politik, khususnya pada masa pemerintahan Khalifah Ali bin Abi Thalib.

Kelapan, sebuah kajian yang bertajuk *Islamic Thought in the Era of Khulafa al-Rasyidin: A Literature Review* telah ditulis oleh Hendra Umar dan Indo Santalia (2022). Kajian literatur ini bertujuan untuk menghuraikan latar belakang sosiobudaya dan perkembangan pemikiran Islam pada era Khulafa Al-Rasyidin. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kualitatif iaitu pengumpulan data dan pustaka. Dapatan kajian menyimpulkan bahawa latar belakang perkembangan pemikiran Islam pada era Khulafa Al-Rasyidin berupa latar belakang agama, politik, dan sosiobudaya. Sementara itu, perkembangan pemikiran Islam pada era persahabatan berbentuk politik pentadbiran negara, teologi Islam, Ulum Al-Qur'an, penyampaian Hadis, dan fiqh.

Kesembilan, Aisya Farina (2022) telah menulis sebuah artikel yang bertajuk *Refleksi Sejarah Perkembangan Kebijakan Publik dan Ekonomi Politik Islam Pada Masa Khulafa' al-Rasyidin*. Kajian ini bertujuan untuk mendeskripsikan sejarah perkembangan kebijakan publik ekonomi politik Islam pada masa kepemimpinan Khulafa Al Rasyidin. Kajian ini berupa kaedah kualitatif dan metode analisis menggunakan studi literatur. Hasil dari penelitian menunjukkan bahwa kebijakan ekonomi yang diterapkan pada masa Khulafa Al Rasyidin yang

terdiri dari empat fase kepemimpinan pertama masa Abu Bakar, kedua Umar Ibn Khattab, ketiga Usman Ibn Affan, dan terakhir Ali Ibn Thalib dari kepemimpinan tersebut berlakulah hal-hal seperti pendirian Baitul Mal, pembagian bantuan sosial, dana pesara, gaji untuk para tentera, kemudian pembahagian zakat serta pemungutan pajak untuk masyarakat Muslim dan Non-Muslim. Dan semua ini guna memajukan perekonomian Negara dan mensejahterakan kehidupan masyarakat.

Akhir sekali, Sumsihara (2015) menyatakan dalam kajiannya dalam artikel yang bertajuk “KHULAFAL-RASYIDIN (Dinamika Sosial Politik dan Dakwah Islam). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang sejarah-sejarah kepemimpinan khalifah-khalifah pada zamannya. Dengan menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan perpustakaan serta menganalisis buku-buku yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa pelbagai rintangan yang dihadapi oleh khalifah-khalifah pada zaman mereka untuk membawa kejayaan Islam.

Definisi Khalifah

Manusia diciptakan oleh Allah di dunia ini agar mereka beribadah kepada Allah dan berstatus pengabdian kepada Allah. Ketaatan kepada Tuhan adalah peranan utama manusia dalam semua aspek kehidupannya, kerana atas dasar dan tujuan inilah manusia diciptakan. Allah berfirman dalam surah Az-Zariyat ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Terjemahan:

Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku

Secara dasarnya, manusia diciptakan oleh Allah sebagai hamba-Nya supaya beribadah dan taat kepada perintah-Nya. Akan tetapi, Allah juga menjadikan khalifah sebagai ketua bagi umat Islam di kalangan manusia, Allah berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ ۗ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Terjemahan:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, “Aku hendak menjadikan khalifah di bumi.” Mereka berkata, “Apakah Engkau hendak menjadikan orang yang merusak dan menumpahkan darah di sana, sedangkan kami bertasbih memuji-Mu dan menyucikan nama-Mu?” Dia berfirman, “Sungguh, Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.”

Dari huraian penafsiran di atas, penekanan kata khalifah yang dimaksudkan khalifah Allah adalah hubungan yang dibangun antara manusia dengan Allah, bukannya secara sederhana antara manusia dengan sesamanya atau hubungan antara manusia dengan jin, tetapi khalifah yang disebutkan itu ialah sebagai khalifah Allah. Dimana seorang khalifah Allah tidak hanya memikirkan kepentingan diri sendiri, kelompok, atau bangsa, dan jenisnya saja. Akan tetapi manusia sebagai khalifatullah itu harus berpikir dan bersikap demi kemaslahatan semua pihak sesuai dengan kehendak Allah (Fadhiah., 2014).

Menurut Mustafa Al-Maraghi (1946), kata khalifah memiliki dua makna. Pertama, adalah pengganti, yaitu pengganti Allah SWT untuk melaksanakan titah-Nya di muka bumi. Kedua, manusia adalah pemimpin yang kepadanya diserahkan tugas untuk memimpin diri dan makhluk lainnya serta memakmurkan dan mendayagunakan alam semesta bagi kepentingan manusia secara keseluruhan.

Menurut Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab Bahasa Arab-Bahasa Melayu (2005), khalifah bermaksud pengganti kepada Nabi Muhammad SAW atau gelaran ketua agama dan raja di negara Islam. Sayidina Abu Bakar menjadi khalifah yang pertama selepas wafat Nabi Muhammad SAW. Khalifah Allah adalah setiap insan yang diamanahkan atau dipertanggungjawabkan oleh Allah untuk mengurus dan mentadbir dunia ini mengikut syariat Allah.

Definisi Khulafa' Arrasyidin

Khulafa Ar-Rasyidin atau Khulafa Ar-Rasyidun (jamak kepada Khalifatur Rasyid) bererti wakil-wakil atau khalifah-khalifah yang benar atau lurus. Mereka waris kepemimpinan Rasulullah selepas kewafatan baginda Nabi Muhammad S.A.W. Pelantikan mereka dibuat secara Syura iaitu perbincangan para sahabat atau pilihan khalifah sebelum. (Maimon Husin, 2017)

Metodologi Kajian

Jenis kajian ini adalah kajian kuantitatif. Reka bentuk kajian yang dipilih ialah kaji soal selidik. Data kuantitatif ialah daripada hasil ujian dan soal selidik serta data kualitatif daripada hasil temu bual. Data-data ini dipungut melalui soalan ujian pasca, soal selidik pelajar dan temubual semi struktur guru. Secara dasarnya kuantitatif adalah daripada perkataan kuantiti (Kamus DBP) iaitu jumlah atau bilangan. Penyelidikan kuantitatif boleh dirujuk sebagai kajian yang menggunakan statistik yang melibatkan bilangan responden yang banyak dengan sekurang-kurangnya melebihi 10 sampel dalam mengukur pembolehubah bagi sesuatu penyelidikan tersebut (Cohen., 1992). Chua (2006) mengatakan kuantitatif dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan, yang mana berdasarkan penyelidikan inkuiri positif yang menggunakan kajian eksperimental dan data numerika untuk dianalisis dengan ujian statistik.

Latar Belakang Kajian

Bab ini akan membincangkan hasil analisis dan dapatan kajian yang diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan kepada pelajar-pelajar yang keseluruhannya berbangsa Melayu dari Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Soal selidik yang dilakukan berkisar kepada kajian terhadap tahap kefahaman pelajar tentang Khulafa' Arrasyidin. Responden ini terdiri daripada 34 responden yang mana 26 daripadanya adalah pelajar lelaki dan selebihnya pelajar perempuan.


Analisis data dibuat menggunakan perisian Google Form dan hasilnya ditunjukkan dalam bentuk peratus dan dapatan analisis menggambarkan hasil kajian yang dilakukan. Hasil dapatan kajian juga dikelaskan kepada dua bahagian iaitu analisis latar belakang responden dan analisis mengenai soal selidik yang bertujuan menjawab persoalan kajian seterusnya memenuhi kehendak objektif kajian.

Latar belakang responden menerangkan taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan jantina pelajar, tahun pengajian pelajar dan fakulti pengajian pelajar.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Berikut adalah hasil kajian melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada 34 pelajar Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia.


Jantina



Rajah 1: Jantina

Rajah 1 menunjukkan peratus responden mengikut jantina. Daripada graf, bilangan responden lelaki adalah 26 orang (76%) dan bilangan responden perempuan adalah 8 orang (24%).


Tahun Pengajian



Rajah 2: Tahun Pengajian

Rajah 2 menunjukkan peratus responden mengikut tahun pengajian. Daripada graf, tahun pengajian yang paling ramai adalah tahun 4 iaitu seramai 22 orang (65%). Ini diikuti dengan tahun 3 iaitu seramai 6 orang (18%), tahun 2 iaitu seramai 4 orang (12%) dan paling sedikit adalah tahun 1 iaitu seramai 2 orang (6%).


Fakulti Pengajian



Rajah 3: Fakulti Pengajian

Rajah 3 menunjukkan peratus responden mengikut fakulti pengajian. Daripada graf, fakulti pengajian yang paling ramai adalah Quran Sunnah iaitu seramai 23 orang (68%). Ini diikuti dengan Pengajian Qiraat iaitu seramai 5 orang (15%), Sunnah Pengurusan Maklumat iaitu 4 orang (12%) yang paling sedikit adalah Quran Multimedia iaitu seramai 2 orang (6%).

Tahap Kefahaman Tentang Khulafa Arrasyidin



Rajah 4: Tahap Kefahaman Tentang Khulafa Arrasyidin

Rajah 4 di atas menunjukkan tahap kefahaman pelajar FPQS tentang Khulafa' Arrasyidin. Seramai 34 responden telah menjawab soalan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Soalan kajian ini mengandungi sebanyak 6 soalan yang berkaitan.

Pada soalan 1 iaitu Adakah Anda Mengetahui Akan Maksud Khulafa' Arrasyidin, seramai 31 orang pelajar (91%) telah bersetuju dengan soalan tersebut manakala seramai 3 orang pelajar (9%) tidak pasti dan sifar (0%) bagi tidak setuju.

Pada soalan 2 iaitu Adakah Anda Mengenali Keempat-empat Khulafa Arrasyidin, seramai 32 orang pelajar (94%) telah bersetuju dengan soalan tersebut manakala seorang pelajar (3%) tidak pasti dan seorang pelajar (3%) bagi tidak setuju.

Pada soalan 3 iaitu Adakah Saidina Uthman Bin Affan Membukukan Ayat Al-Quran Menjadi Satu Mushaf, seramai 31 orang pelajar (91%) telah bersetuju dengan soalan tersebut manakala seramai 2 orang pelajar (6%) tidak bersetuju dan seorang pelajar (3%) tidak pasti.

Pada soalan 4 iaitu Adakah Saidina Abu Bakar As-Siddiq Merupakan Khalifah Yang Terakhir, seramai 32 orang pelajar (94%) tidak bersetuju dengan soalan tersebut manakala seramai 2 orang pelajar (6%) tidak setuju dan sifar (0%) bersetuju dengan soalan tersebut.

Pada soalan 5 iaitu Adakah Saidina Umar Al-Khattab Menakluk Rom Dan Parsi, seramai 30 orang pelajar (88%) telah bersetuju dengan soalan tersebut manakala 3 orang pelajar (9%) tidak setuju dan seorang pelajar (3%) tidak pasti.

Pada soalan 6 iaitu Adakah Saidina Ali Bin Abi Talib Mencetuskan Perang Siffin, seramai 26 orang pelajar (76%) telah bersetuju dengan soalan tersebut manakala 6 orang pelajar (18%) tidak pasti dan 2 orang pelajar (6%) tidak bersetuju.

Berdasarkan graf di atas, kebanyakan pelajar faham tentang Khulafa Arrasyidin. Ini menunjukkan bahawa setiap pelajar FPQS telah didedahkan berkaitan Khulafa' Arrasyidin sama ada di dalam perkuliahan ataupun di luar.

Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat diambil daripada kajian ini adalah tahap kefahaman pelajar FPQS tentang Khulafa Arrasyidin adalah tinggi dan baik. Hal ini kerana berdasarkan kaji soal selidik melalui aplikasi Google Form yang diedarkan kepada pelajar-pelajar ini, hasil kajian mendapati bahawa sebahagian besar pelajar dapat menjawab soalan dengan tepat dan cepat. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tahap kefahaman pelajar-pelajar ini berkenaan maklumat tentang Khulafa Arrasyidin berada pada tahap yang tinggi dan memberangsangkan. Akan tetapi, sebahagian kecil pelajar tidak dapat menjawab soalan tersebut dengan tepat. Hal ini amat membimbangkan sesetengah pihak seperti ibu bapa dan pihak universiti kerana terdapat segelintir pelajar yang masih ketinggalan dalam hal agama berbanding pelajar yang lain. Oleh itu, pihak-pihak tersebut dapat mengetengahkan isu ini kepada pihak yang bertanggung jawab serta mengambil inisiatif dalam membantu pelajar-pelajar tersebut untuk mengatasi masalah tersebut. Sebagai contoh, ibu bapa dapat mendidik anak-anak mereka tentang ilmu agama dari kecil lagi kerana anak-anak dapat dibentuk dengan baik pada usia yang muda. Selain itu, pihak universiti dan sekolah juga dapat mengadakan ceramah dan forum berkenaan biografi dan jasa Khulafa' Arrasyidin kepada para pelajar agar dapat memupuk rasa ingin tahu serta meningkatkan pengetahuan pelajar tentang sahabat-sahabat tersebut. Diharapkan agar pihak-pihak yang berkaitan dapat menjalankan tugas mereka masing-masing dengan sebaik mungkin agar masyarakat di negara kita tidak ketinggalan jauh dengan negara lain.

Rujukan

- Abd. Rauf Dato' Haji Hassan, A. H. (2005). *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab Bahasa Arab-Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Al-Maraghi, M. (1946). *Tafsir Al-Maraghi*. Lubnan: Darul al-Kutub Beirut.
- Arifin., M. P. (2017). KARAKTERISTIK DAKWAH KHULAFAL-RASYIDIN. *Al-Mishbah: Jurnal Ilmu Dakwah dan Komunikasi*, 165-182.
- Chua., Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education.
- Cohen., J. (1992). Statistical Power Analysis. *Current directions in psychological science*, 98-101.
- Ermy Azziati Rozali, Z. A. (2017). KECEMERLANGAN FUTUHAT ISLAMIYYAH ERA KHULAFAL-RASHIDIN. *Journal of Al-Tamaddun*, 25-40.
- Fadliah., K. (2014). KONSEP KHALIFAH MENURUT M. QURAIISH SHIHAB DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM. *UIN Syarif Hidayatullah*, 15-16.
- Farina., A. (2022). Refleksi Sejarah Perkembangan Kebijakan Publik dan Ekonomi Politik Islam Pada Masa Khulafal-Rasyidin. *Journal of Economic Sharia Law and Business Studies*, 1.
- Hendra Umar, I. S. (2022). Islamic Thought in the Era of Khulafal-Rasyidin: A Literature Review. *Open Access Indonesia Journal of Social Science*, 793-798.
- Maimon Husin, A. S. (2017). *NEXUS SPM PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN 4 & 5*. Selangor: Sasbadi Sdn Bhd.
- Muhammad Assyifaa Uलयat Jahidin, M. H. (2021). BAITULMAL MANAGEMENT DURING THE TIME OF RASULULLAH SAW AND THE RULING OF KHULAFAL-RASHIDIN. *Jurnal Al-Sirat*, 103-111.
- Niswah., C. (2017). Pendidikan Islam pada Masa Khulafal-Rasyidin dan Bani Umayyah. *Tadrib*, 170-185.
- Rahim., A. (2012). KHALIFAH DAN KHILAFAH MENURUT AL-QURAN. *Jurnal Studia Islamika*, 19-53.
- Susmihara. (2015). KHULAFAL-RASYIDIN (Dinamika Sosial Politik dan Dakwah islam). *Jurnal Adabiyah*, 141-155.
- Ummu Awaliah, I. S. (2022). PEMIKIRAN HUKUM ISLAM PADA MASA KHULAFAL-RASYIDIN. *Jurnal Ilmiah Perbandingan Mazhab Dan Hukum*.